



جاہتہن حال احوال اکام اسلام نکری سابه

KHUTBAH JUMAAT 4 ZULKAEDAH 1441H BERSAMAAN 26 JUN 2020M

## **MEMPERKASA DIRI DENGAN BERMUHASABAH BAGI MENGHADAPI HARI-HARI MENDATANG**

DISEDIAKAN OLEH: JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ  
مِنْ قَبْلِهِمْ ۖ فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

### **MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Sesungguhnya kita telah melalui detik kekusaran hidup berada dalam fasa wabak penyakit pandemik COVID-19 yang telah melanda negara kita Malaysia hampir lima bulan lamanya. Meskipun demikian adalah menjadi kewajipan kita untuk terus mentaati segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa demi menjaga kemaslahatan kita. Justeru, marilah kita lalui hari demi hari dalam kehidupan kita ini dengan nilai-nilai takwa, kerana dengan ketakwaan sahajalah kita berupaya menghadapi waktu demi waktu yang mendatang dengan kejayaan dan kebahagiaan. Oleh itu marilah kita kerjakan semua yang

diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan segala yang ditegah-Nya mudah-mudahan kehidupan kita ini akan mendapat redha dan maghfirah Allah SWT.

### **HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Diantara ciri-ciri orang yang bertakwa ialah teguh keimanannya terhadap kekuasaan Allah SWT, sehingga dalam kehidupannya dia tidak tunduk, dia tidak patuh melainkan kepada perintah Allah SWT. Orang yang bertakwa tidak mudah menjual prinsip keimanannya dengan harga dunia yang murah, dia tidak mudah menggadai kebenaran demi membeli kebatilan yang menjanjikan nikmat kepalsuan yang memusnahkan. Orang yang takwa terpancar hidupnya dengan cahaya kesabaran yang hakiki, dengan kejujuran dan ketulusan yang murni.

Firman Allah SWT:

أَحْسَبُ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ  
فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ ۗ فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ



Yang bermaksud: *“Adakah manusia menyangka Bahawa mereka akan dibiarkan Dengan*

*hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?*

*Dan Demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang Yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian Yang demikian), nyata apa Yang diketahui Allah tentang orang-orang Yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa Yang diketahuiNya tentang orang-orang Yang berdusta.”* (Surah Al-Ankabut: Ayat 2-3).

Justru, kita telah melewati waktu yang sangat kritikal dan menghadapi waktu-waktu yang seterusnya. Maka amat wajarlah kita bermuhasabah diri dalam melanjutkan kesinambungan hidup hari demi hari, minggu demi minggu, bulan demi bulan dan tahun demi tahun yang selanjutnya.

### **HADIRIN JEMAAH JUMAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Muhasabah ertinya kita saling menghitung, saling melihat atau bercermin ke dalam diri, apakah tahun apakah bulan, minggu atau hari-hari yang dilalui itu menjadi satu waktu yang bermakna dan berkualiti dalam kehidupan kita? Atau adakah masa yang ditinggalkan itu berlalu tanpa manfaat, terbiar dengan langkah sia-sia dan jauh tersasar dari naungan keberkatan? Maka Islam menggariskan ciri-ciri yang berkualiti dalam kehidupan.

Pertama: Ikhlas dalam melaksanakan amal sama ada yang berhubung dengan Allah mahupun berhubung sesama insan. Firman Allah SWT:

وَمَا أُمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ .....

Yang bermaksud. *“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah Dengan mengikhlaskan Ibadat kepadaNya.”* (Surah Al-Baiyinah: Ayat 5).

Kedua: Yang menjamin berkualitinya kehidupan kita ialah sejauh mana kita mengangkat darjat *Tazkiyatunnafs* atau mensucikan diri dari pelbagai penyakit yang mencemar diri dan kehidupan. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

*“Ya Allah! Anugerahkanlah ketakwaan pada jiwaku, bersihkanlah ia, Engkau adalah sebaik-baik yang membersihkan jiwa. Engkaulah Penguasa dan Pemiliknya”.* (HR: Muslim)

Ketiga: Perkara yang sangat penting dalam memastikan kejayaan dengan nilai hidup yang berkualiti ialah dengan melaksanakan segala amal berteraskan ilmu, kerana amal tanpa ilmu tidak dapat direalisasikan dengan sempurna.

### **HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita merenung, bermuhasabah diri dengan melihat hari-hari yang berlalu dan berusaha meningkatkan kualiti hidup yang mendatang. Jadikanlah hari ini lebih baik dari semalam dan esok lebih bernilai daripada hari ini.

Kualiti itu terjana melalui keikhlasan dalam beramal, menerusi peningkatan usaha membersihkan diri serta berlandaskan pedoman ilmu sebagai teras melaksanakan segala amal dalam menjalani kehidupan.

وَأَبْتَعِ فِي مَاءِ آتَانِكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ <sup>ط</sup> وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا <sup>ط</sup>  
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ <sup>ط</sup> وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ <sup>ط</sup> إِنَّ اللَّهَ <sup>ط</sup>  
لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

*"Dan tuntutanlah Dengan harta kekayaan Yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya Yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang berbuat kerosakan ".*

بَارِكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ  
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522127 @ 088-522142.